



Tengkujuh bertandang

10 desa banjir

Bilangan mangsa diselamat di Batu Pahat meningkat 754 orang

>>Oleh Mahaizura Abd Malik
dan Haidhar Hilmi
am@hmetro.com.my

FOTO | Mustapha Ismail

MELAKA

91 pindah ke SK Tehel

MELAKA: Hujan lebat berterusan selama tiga jam menyebabkan seramai 91 mangsa membabitkan 19 keluarga di Tehel di sini, terpaksa dipindahkan selepas kediaman mereka ditenggelami air sedalam hampir satu meter, malam kelmarin.

Semua mangsa kini ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Tehel.

Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri, Mejar Jafri Mohamed berkata, mangsa mula dipindahkan kira-kira jam 8 malam, ekoran hujan lebat yang menyebabkan air Sungai Kesang melimpah masuk ke rumah mereka.

"Bagaimanapun, tiada sebarang kematian atau kecederaan dilaporkan setakat ini dan mereka akan ditempatkan di pusat pemindahan sehingga banjir surut.

"Sepanjang berada di pusat itu, mangsa dipantau kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dibekalkan dengan pelbagai barangan keperluan," katanya di sini, semalam.

JOHOR BAHRU: Cuaca buruk sepanjang hari menyebabkan jumlah mangsa banjir di Batu Pahat meningkat daripada 210 kepada 754 mangsa dan ditempatkan di 10 pusat perlindungan sementara selepas rumah mereka dinaiki air, semalam.

Hujan lebat sejak tiga hari lalu menyebabkan 10 kampung dinaiki air membabitkan Kampung Parit Gantung; Kampung Parit Lapis Laman; Kampung Sentang Batu; Kampung Parit Pulau; Kampung Parit Yusof; Kampung Parit Betong; Kampung Othman; Kampung Parit Abdul Rahman; Kampung Sengkuang dan Kampung Linau Besar.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri Johor berkata, setakat jam 7 malam tadi, seramai 754 mangsa membabitkan 204 keluarga terpaksa dipindahkan ke pusat perlindungan sementara.

"Tujuh pusat pemindahan sementara terpaksa dibuka berikutan jumlah mangsa yang dipindahkan meningkat berbanding 210 yang ditempatkan di tiga pusat perlindungan bermula kelmarin.

"Seramai 90 mangsa daripada 20 keluarga ditempatkan Balairaya Parit Lapis Laman; 28 mangsa (lapan keluarga) di Balairaya Parit Yusof, Parit Jalil; tujuh mangsa (dua keluarga) di Balairaya Linau Kecil; serta 240 (71 keluarga) di Sekolah Kebangsaan (SK) Agama Sri Tiga Serangkai, Parit Sulong.

"Selain itu, 34 mangsa membabitkan enam keluarga ditem-



BANTU...anggota JPAM menyertai operasi menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir di Kampung Parit Gantung, semalam.

patkan di Balairaya Kampung Parit Betong, Parit Sulong; 67 mangsa (16 keluarga) di Balairaya Parit Othman, Parit Sulong; 32 mangsa (sembilan keluarga) di Balai Masjid Kampung Sengkuang, Sri Gading.

"Seramai 120 mangsa (35 keluarga) di Dewan Orang Ramai Parit Sentang Batu, Parit Sulong; 111 mangsa (32 keluarga) di SK Tiga Serangkai, Parit Sulong dan 25 mangsa (lima keluarga) di SK Sri Chomel, Parit Sulong," katanya.

Menurutnya, tiada kematian dilaporkan dan tiada jalan ditutup, namun orang ramai di-

nasihatkan sentiasa peka serta mematuhi peringatan dan amaran banjir daripada pihak berkuasa dari masa ke semasa bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

Sementara itu, Penolong Setiausaha (Tentera) Majlis Keselamatan Negara Johor, Mejar Ronzi Mohd Khairan, berkata pihaknya menjangkakan banjir akan bertambah buruk berikutan hujan lebat masih berterusan sehingga petang semalam.

"Cuaca tidak menentu menyebabkan jumlah mangsa semakin bertambah dan kami bersedia

membuka lebih banyak pusat pemindahan sekiranya keadaan memerlukan.

"Sehingga kini, tiada laluan terputus dan proses pemindahan dibantu pengangkutan berat daripada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela)," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor, Khatijah Abdullah, berkata pihaknya sudah mengagihkannya bantuan asas berbentuk makanan, minuman, bantal dan selimut kepada mangsa banjir.

Banjir di Johor			
Jumlah mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara setakat jam 7 malam			
Pusat Pemindahan	Kawasan/Daerah	Bil. Mangsa	Bil. Keluarga
1 Balairaya Parit Lapis Laman	Batu Pahat, Johor	90	20
2 Balairaya Parit Yusof, Parit Jalil	Batu Pahat, Johor	28	8
3 Balairaya Linau Kecil, Penggaram	Batu Pahat, Johor	7	2
4 Sekolah Kebangsaan (SK) Agama Sri Tiga Serangkai, Parit Sulong	Batu Pahat, Johor	240	71
5 Balairaya Kampung Parit Betong, Parit Sulong	Batu Pahat, Johor	15	5
6 Balairaya Parit Othman, Parit Sulong	Batu Pahat, Johor	34	6
7 Balai Masjid Kampung Sengkuang, Sri Gading	Batu Pahat, Johor	23	4
8 Dewan Orang Ramai Parit Sentang Batu, Parit Sulong	Batu Pahat, Johor	119	34
9 SK Tiga Serangkai, Parit Sulong	Batu Pahat, Johor	111	32
10 SK Sri Comel, Parit Sulong	Batu Pahat, Johor	25	5
Jumlah pusat pemindahan = 10 Jumlah mangsa = 692 Jumlah keluarga = 187			